

Tanah Adat Terbiar di Zaman Pembangunan

NORHALIM HJ IBRAHIM*

Pendahuluan

SELAMA ini apabila orang membicarakan Adat Perpatih, apa yang disentuh dan dibincangkan adalah adat itu dari segi sosial atau/dan politiknya. Ini telah menimbulkan berbagai kontroversi. Walau bagaimanapun apa yang harus difahami ialah Adat Perpatih itu tidak sahaja mengatur kehidupan dari segi sosial dan politik, tetapi ia juga mengatur kehidupan dari segi ekonomi. Namun demikian kalau dilihat dengan teliti kajian-kajian, baik yang berbentuk popular mahupun akademik, belum ada lagi, yang menyentuk dan menganalisis kepentingan adat dari aspek ekonomi ataupun tentang bagaimana adat mengatur perjalanan kehidupan ekonomi pengamalannya.

Kalau kita lihat perbilangan adat, aspek perekonomian ini banyak disentuh. Yang ironinya apabila dibuat kajian mengenai ekonomi orang Melayu, khususnya ekonomi dalam zaman membangun ini, kita sering dibayangkan bahawa orang Melayu itu adalah pemalas, fatalistik dan sebagainya. Apa yang tidak dikatakan, khususnya di Negeri Sembilan, ialah orang Melayu Adat Perpatih, sejak enam abad yang lalu telahpun mengamalkan satu cara hidup yang jelas, iaitu bekerja dan berusaha, atau mendapat malu apabila prinsip ini tidak diamalkan. Nilai ini jelas dinyatakan oleh sistem adat melalui perantaraan perbilangannya.

Artikel ini akan cuba meneroka keadaan sistem ekonomi Adat Perpatih. Mengapa penganut adat yang dinamis, yang tak lekang dek panas dan tak reput dek hujan, harus berpuas hati dengan Tanah Adat atau Tanah Pusaka terbiar? Benarkah adat itu yang menjadi punca berlakunya keadaan sedemikian? Kalau perkara ini benar, bagaimanakah adat itu dapat di gembelangkan agar penyesiaan Tanah Pusaka itu tidak berlarutan; Di sini diakui bahawa artikel ini tidak akan memberi jawapan teknikal untuk menyelesaikan masalah tanah terbiar, tetapi ia akan cuba mencari jalan supaya peraturan ekonomi adat dapat dimanfaatkan, dan dijadikan dasar untuk memperbaiki keadaan.

* Pensyarah Jabatan Sains Kemasyarakatan, UPM., Serdang.

Masalah tanah terbiar adalah satu gejala yang serius. Ianya bukan merupakan masalah setempat tetapi juga masalah yang sedang mengancam negara. Sejak dari akhir tahun 1960-an masalah ini telah mula dibicarakan orang, tetapi di akhir tahun 1970-an dan awal 1980-an ia telah menjadi satu isu yang hangat dibincangkan oleh semua pihak — pemerintah, petani, wartawan dan juga ahli akademik.

Masalah tanah terbiar ini boleh dilihat dari berbagai aspek. Pertama, kita lihat apakah sebab berlakunya tanah terbiar. Kedua, akan disarankan cara-cara mengatasi punca tersebut dan ketiga, akan dicadangkan cara-cara yang sesuai agar tanah itu tidak menjadi terbiar lagi. Kalau kita teliti tulisan mengenai tanah terbiar kesemua aspek ini telah pun disentuh walaupun penekanan yang diberikan oleh setiap rencana atau laporan itu berbeza mengikut selera dan tujuan penulis.

Tanah terbiar di Negeri Sembilan amnya dan di Daerah Rembau khususnya, agak berbeza dengan keadaan di negeri-negeri Malaysia yang lain. Perbezaan ini wujud kerana Negeri Sembilan mempunyai sistem sosial yang berbeza. Tanah Negeri Sembilan boleh dibahagikan kepada beberapa jenis. Salah satu daripadanya, yang tidak ada di negeri-negeri lain ialah Tanah Pusaka. Isu Tanah Pusaka, kalau tidak teliti membicarakanya boleh menjadi sendiri. Mungkin kerana itu tulisan mengenai isu Tanah Pusaka ini jarang sekali dibahaskan secara meluas. Kajian yang dibuat mengenainya di institusi pengajian tinggi juga agak kurang bilangannya.

Tanah Terbiar Di Negeri Sembilan

Negeri Sembilan mempunyai jumlah keluasan tanah seluas 66,458.8 hektar yang mengandungi 44,516.8 hektar atau 67% tanah pertanian, termasuk 13,982.6 hektar atau 21% Tanah Pusaka. Sebahagian besar dari Tanah Pusaka adat ini adalah tanah sawah dan tanah kampung. Jumlah keluasan tanah terbiar di Negeri Sembilan ialah 14,590, hektar atau 22%. Dari jumlah tersebut 14,276.12 hektar atau 97.8% adalah tanah sawah yang terdiri dari Tanah Pusaka Adat. Keadaan ini melibatkan seramai lebih kurang 19,337 buah keluarga dengan purata seramai empat atau lima orang bagi setiap keluarga.

Sistem Sosial Negeri Sembilan: Adat Perpatih

Masyarakat Melayu Negeri Sembilan, melainkan daerah Port Dickson, adalah pengamal sistem kemasyarakatan Adat Perpatih iaitu satu sistem yang menjuraikan keturunan melalui nisab ibu. Organisasi masyarakatnya adalah berteraskan kepada sistem kekeluargaan yang luas yang tergambar dalam sistem pengelompokan ahli masyarakat kepada kelompok suku, diikuti oleh kelompok-kelompok perut, ruang dan rumpun. Tiap-tiap satu pengelompokan itu adalah berdasarkan kepada ikatan kekeluargaan.

Di samping mempunyai sistem sosial yang kokoh, Adat Perpatih juga mempunyai aturan ekonomi yang kuat. Masyarakat adat sebagai masyarakat tani mengamalkan sistem kolektif atau bekerjasama, terutamanya di sektor pengeluaran. Sektor pengeluaran adalah sangat penting dalam kehidupan ekonomi pertanian. Oleh sebab ekonomi masyarakat ini berlandaskan

pertanian maka dengan sendirinya tanah menjadi elemen yang penting dalam kehidupan mereka. Oleh sebab itu hubungan mereka dengan tanah adalah rapat sekali. Tanah adalah milik bersama atau kepunyaan suku.

Dari segi kerja, masyarakat Adat Perpatih mementingkan pengerjaan sawah dan ladang. Ini jelas kerana banyak perbilangan adat yang membicarakan mengenai kedua aspek ekonomi ini. Antaranya ialah:

Yang berlumpur ditanami benih
yang keras dijadikan ladang.

Dan:

Kok sawah sudah berpiring-piring
ladang sudah berbidang-bidang
bonda sudah berliku-liku
sawah bertompok pada nan data
ladang berbidang ditompek nan lereng
bonda berliku menurun bukit.
Sawah sudah mempunyai lantak
ladang sudah mempunyai ranji,
dan lain-lain lagi.

Seperti yang telah dinyatakan sawah adalah milik bersama — milik suku. Dengan itu, sesuai dengan falsafah dan nilai adat, pengerjaan sawah dan juga ladang adalah dilakukan secara berkerjasama. Bekerjasama berdasarkan adat ini adalah sesuai dengan prinsip adat yang menekankan rasa persamaan. Rasa persamaan masyarakat adat ini dijelaskan seperti berikut: bagaimana diorang begitulah dikita, iaitu kalau kita dibantu orang lain, walaupun oleh serumpun, seruang, seperti ataupun sesuku, kita pun harus membantu orang.

Dengan hasil sawah ladang itulah masyarakat adat ini dapat menghindar kenyataan yang menurut adat:

hilang rupo dek penyakit,
hilang bangso dek tak beromeh.

Oleh itu Adat Perpatih menyuruh ahlinya supaya mempertahankan:

Pertama, harta-harta tanah dan lain-lain harta pusaka adat agar ia tidak berkurangan, malahan ia harus dipelihara dan ditambah, Kedua agar harta pusaka tidak terus dibiarkan begitu sahaja, kalau tidak kelompok keluarganya akan menjadi malu seperti kata adat:

Kok tanah nan sebingkah,
sudah ada yang empunya;
kok rumput nan sehelai,
sudah ada yang empunya;
Malu belum lagi dibagi.

dan:

Puar nan kena cincang,
andilau nan bergerak.

Adat juga menyatakan bahawa jika sawah dan ladang telah terbiar kerana tidak dikerjakan maka itu alamat hidup masyarakatnya akan menjadi sengsara, bak kata perbilangan:

sawah kering teruko hangus,
anak buah jatuh melarat:
alamat rosak alam semua
nan kini bukan beresok,
beresok bukan kepetang.

Justru itu, adat membenarkan Ketua Adat, Datuk Lembaga, untuk mengambil balik tanah itu dan memberikannya kepada anak buah yang lain.

Dalam perekonomian, dasar kerjasama mendapat perhatian utama. Ini jelas dari kata adat:

Kok besar jangan melanggar,
kok cerdik jangan menipu.

Soal perekonomian adalah soal mutlak bagi ketinggian kedudukan seseorang, kelompok-kelompok keluarga — ruang rumpun, perut dan suku. Ini jelas diberitahu oleh perbilangan, antara lain:

hilang rupa dek penyakit,
hilang darjat dek miskin,
hilang bangsa dek tak beremas:
emas penutup malu,
kain penutup miang.

Satu lagi aspek Adat Perpatih yang jarang diperkatakan orang ialah, seperti yang dinyatakan di atas tadi, adat ini terdiri atas konsep bekerjasama dan gotong royong. Konsep ini adalah konsep yang menjadi dasar kepada segala kegiatan hidup masyarakatnya, baik dari segi sosial, politik mahupun dari segi ekonomi. Antara perbilangan yang membawa ciri ini ialah:

Seperigi sepermandian,
sejamban seperulangan,
sehalaman sepermainan.

Bukit sama didaki
lurah sama dituruni
laba sama dikutip
rugi sama ditatang.

Hati kuman sama dicicah
hati gajah sama dilapah.
Berat sama dipikul,
Ringan sama dijinjing
Cicir sama rugi
dapat sama laba.

Pangkal sama dipupuk
pucuk sama digentas
bunga sama dipetik.

Nan juah dijemputkan
nan dekat dikampung

Jika air sama disauk
jika ranting sama dipatahkan
nan mati sama ditanam,
nan hidup sama dipelihara.

Berkawan muka berjalan
mufakat maka berkata.

Dielo kerja maka usaha
diirik parang maka berani
orang nan banyak menuruti.

Dibuat bonda nan berliku
tiba di bukit dikalisi
tiba di batu dipahati
tiba di batang dikabungi.

Adat ini juga mengharuskan pengamalnya agar bekerja keras secara bersama-sama untuk membangunkan sawah dan ladang, seperti kata perbilangan:

laut ditimba mungkin kering
gunung diruntuh mungkin rata
sedang dek semut tebing nan runtuh
apa lagi dek manusia berakal.

Untuk mewujudkan sikap bekerjasama ini, adat perpatih juga menyeru ahlinya agar mengadakan masyuarah. Dengan adanya masyuarah ini barulah dapat dicapai kerjasama dan menghasilkan pengeluaran yang diharapkan. Ini jelas dikatakan:

kelebihan umat dengan muafakat
kelebihan Nabi dengan mukjizat.

Bulat air kerana pemetong
Bulat manusia kerana muafakat.

Air melurut dengan bondanya
Benar melurut dengan muafakatnya.

Jadi kesatuan dalam semua aktiviti hidup mengikut adat ini adalah penting supaya dapat ditentukan persamarataan tugas dan hasil:

dapat sama labo
hilang sama rugi
ada sama bagi.

Perlu ditegaskan di sini bahawa, sebelum timbulnya teori pembahagian tenaga kerja di Barat, adat ini telahpun mengadakan teori tersebut seperti yang dijelaskan dalam perbilangan:

kok alim minta doanya
Kok rajin minta kerjanya
Kok kaya minta ringgitnya
Kok cerdik kawan berunding
Kok bodoh disuruh arah.

Demikianlah antara lain faktor-faktor adat yang secara langsung dan tidak langsung menyeru agar ahlinya bekerjasama berusaha dan terus berusaha agar keadaan ekonominya menjadi kokoh. Justru itu masyarakat adat ini tidak patut hilang bangsa dek emas.

Tanah Adat Kini

Tetapi bagaimana keadaan Tanah Pusaka pada hari ini? Mengikut perangkaan di awal tadi, hampir 100% tanah adat hari ini adalah tanah terbiar. Bermacam-macam sebab telah dikemukakan. Salah satu sebab yang kuat dikaitkan dengan Tanah Pusaka Adat ini ialah tuan punya tanah terlalu ramai, misalnya satu hektar tanah dipunyai oleh sepuluh orang. Ini diikuti oleh sebab tuan-tuan tanah itu tidak tinggal setempat. Mereka telah berhijrah ke luar.

Seperti yang telah diuraikan, pada dasarnya adat tidak menjadi penghalang kepada sebarang usaha ekonomi, termasuk cara usaha ekonomi moden. Adat sendiri telah mendasarkan cara kegiatan ekonomi itu harus dijalankan, tetapi malangnya, sebab keghairahan pengamalannya menerima nilai-nilai baru (Barat?) membuatkan mereka lupa akan tradisi nilai adatnya. Bagi saya dalam masyarakat Negeri Sembilan, punca Tanah Pusaka terbiar adalah kerana adatnya terbiar. Masyarakat Adat Negeri Sembilan tidak lagi mengenali adatnya. Apabila falsafah dan nilai adatnya telah terbiar maka segala yang berkaitan dengan hidupnya menjadi terbiar — Tanah Pusaka terbiar, rumah terbiar, ternakan terbiar dan lebih sedih lagi anakpun terbiar. Jadi, siapa yang bersalah? Adat? Tanah? Orang? Atau nilai yang salah dalam terwujudnya tanah terbiar?

Suatu Penyelesaian

Satu cara yang mungkin praktikal untuk menghidupkan kembali Tanah Pusaka terbiar ini adalah dengan menerapkan dan menggerakkan semula konsep ekonomi adat. Dari huraian di atas tadi ternyata bahawa Adat Perpatih adalah satu adat yang memestikan agar Tanah-Tanah Adat kepunyaan ahli berguna dan bermanfaat dan tidak terbiar. Malah kalau kita mendalami falsafah ekonomi adat ini ia merupakan satu falsafah yang mirip kepada dasar ekonomi kapitalis. Tetapi nilai ini tidak pernah diteroka oleh penganutnya terutama sekali di zaman moden ini.

Sebelum terbentuknya Undang-undang Tanah 1909 dan diperbarui dalam tahun 1926, atau yang lebih terkenal dengan nama *Cap. 125*, tanah adalah milik bersama suku. Selepas termaktubnya *Cap. 215* tanah telah diberikan hak orang perseorangan wanita. *Cap. 215* dan berkuatkuasanya hak milik perseorangan inilah yang menjadi punca kepada terbiarnya Tanah Pusaka Adat. Sejak itu, Tanah Adat tidak berkembang lagi sedangkan bilangan tuan punya bertambah dari tahun ke tahun, sehingga hari ini bidang tanah yang dipunyai oleh orang perseorangan itu tidak ekonomi lagi dari segi pengusahaan. Jadi bagaimana cara yang boleh dilakukan agar tanah itu mempunyai nilai ekonomi walaupun bidangnya kecil?

Pada hakikatnya, walaupun Tanah Pusaka Adat telah dimiliki oleh orang perseorangan, ia masih lagi hak bersama suku. Dari itu adalah disarankan agar konsep kerjasama anjuran adat dalam usaha mengerjakan tanah dihidupkan semula tetapi diberi nafas baru sesuai dengan kehendak dan keperluan semasa.

Usaha ke arah ini bermakna bukan sahaja nilai kerjasama adat itu digiatkan semula, tetapi juga kepimpinan adat atau fungsi ketua-ketua adat — Lembaga, Buapak, Besar dan Kadim harus juga dihidupkan semula. Keberfungsian ketua-ketua adat adalah perlu kerana mereka, sehingga hari ini masih berkuasa ke atas Tanah-Tanah Pusaka Adat.

Kalau dahulu, kerjasama adalah kerjasama tenaga tetapi hari ini kerjasama yang dijalankan haruslah berupa saham. Ini bermaksud setiap individu yang berhak ke atas Tanah Pusaka mesti menjadi ahli kepada perusahaan itu tanpa mengira di mana mereka berada. Kalau berlaku pengecualian, maka Ketua-Ketua Adat dari semua peringkat harus bertindak agar hak orang yang berkecuali itu dapat digabungkan bersama. Dengan cara ini maka tidak mungkin lagi ada faktor 'tanah tidak bertuan' di Negeri Sembilan.

Rujukan

- Kedudukan Sawah di Negeri Sembilan*, Dis. 1986, Jabatan Pertanian Negeri Sembilan, Seremban.
- Laporan Pembangunan Tanah-tanah Terbiar*, Kementerian Pertanian Malaysia, K. Lumpur, 1980.
- Mat Zean Abd. Aziz, 1978, *Tanah Pusaka dalam sistem Adat Perpatih di Rembau Negeri Sembilan*, Latihan ilmiah, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, K. Lumpur.

- Mohd Shah Lasin & Norhalim Hj. Ibrahim, 1984, 'Tanah Terbiar: Satu cadangan Pembangunan', kertaskerja *Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan*, UPM., Serdang.
- Rahmān Razak, A. & Sariah Meon, 1984, 'Pemodenan Pertanian dalam Masyarakat Adat di Negeri Sembilan', kertaskerja *Seminar Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan*, UPM., Serdang
- Thiran, N., 1981, *The Utilization of Unused Paddy Lands in Negeri Sembilan*, tesis M.S., Fakulti Ekonomi Sumber & Perniagaantani, UPM, Serdang.
- Wong, D.S.Y., 1975, *Tenure and Land Dealing in the Malay States*, University of Singapore Press.